

05/10/2004

`Dapatkan maklumat penyakit sebelum keluar negara'

By Sazarina Shahrin

KUALA LUMPUR: Orang ramai yang mahu ke luar negara dinasihatkan supaya mendapatkan maklumat daripada Kementerian Kesihatan sebagai langkah berjaga-jaga bagi mengelak dijangkiti penyakit yang boleh merebak ke negara ini.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Ismail Merican, berkata kebanyakan rakyat memandang remeh isu kesihatan, seperti mendapatkan vaksin yang sesuai sebelum membuat perjalanan jauh.

"Rakyat boleh mendapat maklumat kesihatan dari kementerian atau Persatuan Perubatan Perjalanan Malaysia (PPPM) supaya tahu apa yang perlu dilakukan apabila ke luar negara bagi mengelak dijangkiti sebarang penyakit yang boleh merebak," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Kelima Asia Pasifik Mengenai Kesihatan untuk Perjalanan di sini, semalam.

Dr Ismail juga mencadangkan agensi pelancongan memberi maklumat kesihatan kepada rakyat yang berkunjung ke luar negara.

"Orang ramai tahu mengenai perkara ini, tetapi tiada maklumat tepat untuk mereka rujuk dan maklumat yang diperolehi juga tidak komprehensif.

"Mungkin jika kita fokus terhadap isu ini, kesedaran orang ramai mengenai kepentingan perjalanan kesihatan akan meningkat," katanya.

Beliau berkata, kesihatan untuk perjalanan semakin penting kerana beberapa penyakit, seperti Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS), merebak dengan cepat ke seluruh dunia.

Dr Ismail memberi contoh bagaimana SARS merebak dari wilayah Guangdong, China ke Toronto, Kanada.

Sementara itu, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dalam ucaptamanya pada persidangan itu, berkata pengalaman negara menghadapi wabak SARS perlu dijadikan pengajaran dengan memikirkan semula kaedah yang digunakan untuk mengasingkan penyakit dan mencegah epidemik yang menjadi sebahagian masalah dunia.

"Jika dilihat wabak baru muncul satu demi satu, namun kita tidak dapat mengesannya dari awal dalam usaha menanganinya.

"Banyak persoalan seperti adakah wabak ini merebak secepat SARS? Adakah kaedah yang diambil ketika ini mampu mencegah merebaknya wabak baru itu? Ini adalah antara persoalan yang perlu kita tanya diri kita sendiri," katanya.

Beliau berkata, pengesanan awal terhadap sesuatu wabak amat penting dalam usaha mengekangnya dari terus merebak.

Justeru, katanya, sebuah pusat yang mengkaji dan mengesan wabak baru perlu ditubuhkan di peringkat antarabangsa kerana ia adalah masalah masyarakat dunia.

"Pusat ini perlu dilengkapi makmal canggih yang dipunyai, dibiayai dan dilaksanakan oleh masyarakat antarabangsa iaitu mereka yang terlatih dan pakar," katanya.

(END)